

Hubungan 2 hala tidak jejas — PM

11 FEB 1994

KUALA LUMPUR 25 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan Malaysia membatalkan semua kontrak baru dengan syarikat-syarikat dari Britain tidak akan menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua kerajaan.

Sebaliknya, beliau menegaskan, tindakan tersebut sebenarnya adalah berpunca daripada laporan media Britain yang menjadi punca pertelingkahan sekarang.

“Kita sudah banyak bersabar tentang laporan-laporan karut media Britain, tetapi kali ini kita tidak boleh bersabar lagi,” kata beliau kepada para pemberita selepas majlis menyerahkan sumbangan Hari Raya Aidilfitri dan bantuan persekolahan kepada kanak-kanak yatim Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini petang ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini bahawa kerajaan Malaysia tidak akan menawarkan syarikat-syarikat Britain sebarang kontrak baru terutama dalam projek yang melibatkan bantuan kerajaan.

Kata Anwar, keputusan itu dibuat oleh Kabinet sebagai satu tindakan tegas

tidak dapat kontrak... Kalau dia dapat kontrak, bolehlah dia kata kita rasuah,” tegas beliau.

Dr. Mahathir turut kesal dengan sikap media Britain yang sentiasa menganggap bangsa Timur — bukan Eropah — semuanya boleh dirasuah dengan sesuka hati.

“Jadi, kalau kita bagi kontrak kepada Britain, akibatnya kita dituduh macam-macam, lebih baik tidak usah bagi,” tegas beliau.

Ditanya sampai bila sekatan kontrak baru itu akan berkuatkuasa, beliau berkata, “Saya tidak tahulah, kalau dia terus macam itu, kita tidak bagilah (kontrak)”.

Tambah beliau, media Britain masih mempunyai pemikiran kolonial yang menganggap manusia, selain daripada mereka, adalah mudah dirasuah.

“Beri AS\$50,000 untuk PM dan selepas itu boleh dapat kontrak berbilion ringgit,” ujarnya.

Kata beliau, kontrak yang terjejas akibat tindakan tersebut ialah yang masih belum ditandatangani, memabitkan perjanjian jual beli dan pembinaan.

“Kontrak yang telah ditandatangani, kita akan teruskan, kita tidak mungkir janji,” ujarnya.

Ditanya tentang kunjungan Pesuruhjaya Tinggi Britain, Duncan Slater, ke pe-

jabat beliau petang tadi, Dr. Mahathir berkata, Slater, yang mewakili Perdana Menteri John Major, cuba memujuknya supaya jangan melakukan tindakan tersebut.

“Tetapi dia telah terlewat, kita telah membuat keputusan muktamad,” tegas beliau.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengemukakan bantahan rasmi, Dr. Mahathir berkata, perkara tersebut tidak perlu dilakukan.

“Bantahan rasmi tidak berkesan...kalau kita bawa ke mahkamah pun tidak akan membawa apa-apa kesan.”

“Tetapi ini cerita bohong, cerita karut, tetapi ia satu lesen untuk salah guna akhbar,” tegas beliau.

Menurut beliau, Britain pernah menuduh kerajaan Malaysia mengawal media di negara ini.

“Tetapi, setahu saya, media tempatan tidak melakukan sesuatu yang merugikan negara ini, jadi mereka (Britain) tidak suka,” kata beliau.

Menurut beliau, Malaysia akan mengambil tindakan yang sama kepada mana-mana negara sekiranya media di negara berkenaan mengambil sikap yang sama seperti media Britain.

berikutan pembohongan dan dakwaan tidak berasas yang disebar oleh akhbar-akhbar Britain terhadap kerajaan dan pemimpin negara ini beberapa minggu lalu.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, tuduhan bahawa beliau menerima rasuah AS\$50,000 adalah tidak logik kerana syarikat tersebut sehingga kini tidak mendapat projek tersebut.

“Kita tidak ada apa-apa perselisihan dengan kerajaan Britain tetapi kita dapati bahawa akhbar di Britain amat ghairah untuk menuduh kita sebagai rasuah.

“Saya tidak tahu bagaimana dia (media British) boleh tuduh saya rasuah sedangkan syarikat yang kononnya memberikan AS\$50,000 kepada saya itu